



**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
(BAHAGIAN DAGANG)
[GUAMAN NO: 12BNCC-61-12/2015]**

ANTARA

**SHAMELAH NANCY A/P DAVID ... PLAINTIF
(NO. K/P : 771124-08-6914)
(BERNIAGA DIBAWAH NAMA DAN GAYA
JAYSHAM CONSULTANT SERVICES)
[NO. PENDAFTARAN : 001774974]**

DAN

**SAMINATHAN A/L THARMALINGAM ... DEFENDAN
(NO.K.P : 780412-01-5605)
(T/A SAMVIC AGENCY
NO.PENDAFTARAN : SA 0006952-M)**

PENGHAKIMAN

PENGENALAN

[1] Ini adalah rayuan perayu/plaintif (plaintif) terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang telah menolak tuntutan perayu/plaintif terhadap responden/defendant (defendant) dengan kos. Bagi maksud rayuan ini kedua-dua pihak dirujuk seperti pihak asal di Mahkamah Sesyen.



FAKTA DAN LATAR BELAKANG

[2] Plaintiff menuntut terhadap defendant pulangan pelaburan untuk jumlah pelaburan sebanyak RM260,000.00 dengan pulangan yang dijanjikan sebanyak 6.5% sebulan berdasarkan perjanjian *Return of Investment* bertarikh 6.6.2011 yang telah dimasuki di antara defendant dan plaintiff (selepas ini dirujuk sebagai “perjanjian pelaburan”). Berdasarkan perjanjian pelaburan tersebut plaintiff akan dibayar pulangan 6.5% pada atau sebelum 30 haribulan setiap bulan bermula dari tarikh perjanjian tersebut. Namun begitu apabila defendant gagal membuat bayaran keuntungan tersebut plaintiff telah menuntut jumlah RM260,000.00 dan keuntungan pelaburan setakat 30.1.2015 sebanyak RM986,700.00 dan pulangan pelaburan selanjutnya atas kadar 6.5% sebulan bermula 1.2.2015 sehingga penyelesaian penuh dan kos. Defendant telah menafikan bahawa defendant telah menjemput plaintiff melabur dalam perniagaannya dan menafikan bahawa beliau telah menandatangani perjanjian pelaburan dengan plaintiff. Defendant telah menafikan bahawa tandatangan atas eksibit P4 adalah tandatangan beliau. Selanjutnya defendant menyatakan bahawa perjanjian tersebut adalah pemalsuan/penipuan atau *fabrication of evidence*. Namun selain dari pernyataan tersebut di perenggan 6 pernyataan pembelaan, tiada butiran lain yang diplidkan oleh plaintiff seperti yang diperuntukkan di bawah Aturan 18 kaedah 12 yang seperti berikut-

(1) Tertakluk kepada perenggan (2), tiap-tiap pliding hendaklah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan, pembelaan atau perkara lain yang dirayu termasuk, tanpa menjaskan kluasan makna perkataan yang tersebut di atas-

(a) butir-butir apa-apa salah nyataan, fraud, pecah amanah, keingkaran sengaja atau pengaruh tidak wajar yang pihak yang membuat pliding itu bersandarkan kepadanya.



[3] Plaintiff (SP2) telah memanggil SP1 (saksi sapina) seorang pekerja di pejabat plaintiff pada 6.6.2011, yang memberi keterangan bahawa beliau telah menyaksikan defendant menandatangani P4. Plaintiff telah mengemukakan dokumen P4 yang asal yang bertandatangan defendant dan juga merujuk kepada satu afidavit yang difailkan dalam prosiding yang ditandatangani oleh defendant untuk menyokong bahawa tandatangan dalam afidavit tersebut serupa dengan tandatangan defendant. Defendant sudah tentu menafikan adanya persamaan kedua-dua tandatangan dokumen tersebut. Manakala defendant memberi keterangan bagi pihaknya sendiri dan menafikan bahawa tandatangan beliau di atas P4.

ALASAN RAYUAN

[4] Di antara alasan rayuan yang dibawa oleh plaintiff ialah bahawa HMS telah khilaf fakta dan undang-undang apabila-

- (i) menolak tuntutan plaintiff ;
- (ii) tidak memberikan pertimbangan sewajarnya kepada fakta bahawa terdapat perjanjian yang ditandatangani oleh pihak-pihak;
- (iii) tidak memberikan pertimbangan sewajarnya kepada persamaan tandatangan defendant pada Perjanjian Pelaburan dan dokumen kontemporari;
- (iv) gagal memberikan pertimbangan sewajarnya kepada fakta bahawa saksi yang menyaksikan perjanjian telah hadir memberi keterangan,



- (v) gagal memberi pertimbangan kepada fakta bahawa terdapat sebahagian bukti transaksi pembayaran daripada plaintif kepada defendant;
- (vi) bahawa defendant gagal memplidkan butir-butir frod menurut kehendak Aturan 18 Kaedah 12(1)(a) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;
- (vii) gagal mengguna pakai seksyen 73 Akta keterangan;
- (viii) terdapat percanggahan di antara SP1 dan SP2 berdasarkan perbandingan perkataan ‘sering datang’ dan beberapa kali datang’ pada hal DW1 (defendant telah mengaku pernah menghadiri pejabat plaintif;
- (ix) tidak memberi pertimbangan sewajarnya kepada fakta bahawa defendant menafikan menerima surat 8.12.2014 semasa disoal balas manakala mengaku menerima surat sama dalam penyata saksinya; dan
- (x) apabila menyatakan bahawa defendant tidak berpeluang mengemukakan apa-apa bukti chemist/pakar pada hal defendant tidak pernah membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah untuk mengemukakan dokumen kepada pakar.

ISU

- [5] Isu yang perlu dipertimbangkan dalam rayuan ini ialah-
 - (i) sama ada P4 telah ditandatangani oleh defendant yang menjadi asas tuntutan plaintif untuk kemungkiran Perjanjian Pelaburan; dan
 - (ii) sekiranya telah ditandatangani oleh defendant, sama ada perjanjian tersebut sah dan membuktikan tuntutan plaintif.



KEPUTUSAN

(i) sama ada P4 telah ditandatangani oleh defendant yang menjadi asas tuntutan plaintif untuk kemungkiran Perjanjian Pelaburan;

[6] HMS berpendapat plaintif telah gagal melepaskan beban pembuktian di bawah seksyen 101 Akta Keterangan bahawa defendant telah menandatangani P4. Saya petik perenggan-perenggan penghakiman yang berkaitan seperti berikut-

[19] Penelitian Mahkamah menunjukan bahawa pihak plaintif hanya bersandarkan kepada keterangan DW1 secara bandingan tandatangan. Namun begitu Mahkamah berpendapat keterangan yang ada tidak menunjukkan bahawa tandatangan di Perjanjian bertarikh 6.6.2011 kepunyaan Defendan. Tambahan pula DW1 sendiri mengatakan tandatangan beliau di dalam affidavit tidak sama dengan tandatangan yang terdapat di dalam perjanjian tersebut.

[7] Saya berpendapat HMS adalah melakukan kesilapan apabila menerima bulat-bulat penafian defendant bahawa kedua-kedua tandatangan di atas afidavit dan P4 adalah serupa. HMS sepatutnya menyedari bahawa keterangan defendant adalah *self serving* dan tanggung jawab untuk menentukan sama ada tandatangan di atas P4 sama atau tidak dengan afidavit adalah tanggungjawab hakim bicara. HMS telah tidak melaksanakan tanggungjawab ini di bawah seksyen 73 Akta Keterangan. Seksyen 73 memperuntukkan seperti berikut-

(1) In order to ascertain whether a signature, writing or seal is that of the person by whom it purports to have been written or made, any signature, writing or seal, admitted or proved to the satisfaction of the court to have been written or made by that person, may be compared by a witness or by the court with the one which is to be proved, although that



signature, writing or seal has not been produced or proved for any other purpose.

(2) The court may direct any person present in court to write any words or figures for the purpose of enabling the court to compare the words or figures so written with any words or figures alleged to have been written by that person.

(3) This section applies also, with any necessary modifications, to finger impressions.

[penekanan ditambah]

[8] Dalam kes ini perbandingan dibuat dengan afidavit yang telah difailkan di mahkamah dalam prosiding yang sama (sudah tentu diterima oleh mahkamah ditulis atau ditandatangan oleh defendant) dengan dokumen yang hendak dikemukakan sebagai keterangan. Oleh itu menjadi tanggungjawab hakim bicara untuk membuat perbandingan terhadap kedua-dua dokumen tersebut dan membuat dapatan sama ada kedua-duanya adalah tandatangan defendant atau sebaliknya. Ini telah gagal dilaksanakan oleh HMS sebagai hakim bicara.

[9] Mengenai kegagalan defendant untuk mengemukakan keterangan daripada pakar tandatangan, ini pendapat HMS-

[20] Saya selanjutnya meneliti keterangan semasa menyoalbalas DW1 dan peguam cara Plaintiff bertanyakan soalan berikut :

Perenggan 10 mukasurat 127 / 18Q Nota Keterangan-

18Q: Sekiranya tidak sama, adakah anda membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah untuk menghantar dokumen perjanjian saya ulang, sekiranya tidak sama, adakah anda membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah atau mengarahkan peguam



membuat permohonan kepada Mahkamah untuk menghantar dokumen perjanjian untuk chemist test, mengesahkan tandatangan tulen apa semua? Ada buat permohonan kepada Mahkamah atau tidak?

A: Di Mahkamah tidak, tapi.

Perenggan 10 mukasurat 149-150-19Q Nota Keterangan-

15Q: Tadi terdapat persoalan daripada peguam cara Plaintiff bahawa adakah kamu membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah yang mulia ini untuk memperolehi agreement asal daripada Plaintiff? Jawapan kamu tidak, tetapi adakah kamu membuat apa-apa permohonan terus kepada peguamcara Plaintiff?

A: Ya, ada.

16Q: Saya merujuk kepada mukasurat 10, adakah ini surat peguam untuk memperolehi dokumen tersebut?

A: Ya, betul.

18Q: Adakah pihak Plaintiff telah memberikan perjanjian ini?

A: Tidak

Selanjutnya SP2 dalam keterangannya menzahirkan keterangan berikut:

169Q: Through the defence Mr Saminathan has disputed through his defence statement of defence which was served to you around April, your solicitor,



he disputed the signature, do you agree with me or not?

A: Yes

170Q: He instructed the Defendant's solicitors to write to the Plaintiff's solicitor, do you agreed with me?

A: Yes.

171Q: And he requested for the original agreement to be delivered to the Defendant's solicitors for the chemist or the signature expert to verify, do you agree with me or not?

A: Yes.

172Q: But the original copy was never given to the Defendant, do you agree with me or not?

A: No.

173Q: Can you please refer to page 11 of the Bundle of Document. Shall I read it for you, we are unable to forward the said to your good selves as there is only 1 original copy in our client possession and we fear if anything to untoward were too happen to the said. We wish to place on record we have forwarded a copy of this aid agreement to your good selves vide our letter date 25.5.2015. We are prepared to produce the original in the Court during trial. Nevertheless, your good selves and/or your client may view the same at our office in our client's presence.



You have instructed your solicitor not to give the document to us, to the Defendant so that the Defendant cannot verify the authenticity, do you agree or not?

A: No.

174Q: Since the Defendant since April has been disputing the signature and the agreement itself, did the Plaintiff took step to prove to this Court the authenticity of the agreement?

A: Repeat again.

Q: Did the Plaintiff took the necessary step to prove the authenticity of this agreement since the Defendant have been disputing the signature and the authenticity of this agreement?

Prove as in do a chemist test or signature expert?

A: No.

[21] Mahkamah berpendapat alasan peguam cara Plaintiff bahawa beliau takut apa-apa terjadi jika salinan asal perjanjian tersebut diberikan kepada peguam cara Defendant adalah tidak berasas. Mahkamah berpendapat keengganan Plaintiff untuk memberikan Perjanjian Asal bertarikh 6.6.2011 kepada pihak Defendant, secara langsung tidak memberikan peluang untuk pihak Defendant mengemukakan apa-apa bukti Chemist/pakar tandatangan mengenai tandatangan yang tertera dalam Eksibit P4. Mahkamah berpendapat seksyen 114 Akta Keterangan adalah terpakai dalam kes ini.

[10] HMS berpendapat tindakan peguam defendant tidak menyerahkan P4 kepada defendant adalah sesuatu yang munasabah dan inferens yang



menentang (*adverse inference*) hendaklah terpakai terhadap plaintif. Saya berpendapat kesimpulan HMS adalah salah dan betentangan dengan prosedur biasa kerana P4 adalah dokumen yang dipertikaikan oleh defendant. Prosedur yang adil dan telus ialah dokumen tersebut diperiksa di pejabat peguam plaintif seperti yang ditawarkan oleh peguam plaintif dan jika tidak berpuas hati mengenai ketulinannya hendaklah membuat permohonan kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh memerintahkan secara sewajarnya untuk diserahkan kepada Jabatan Kimia atau kepada mana-mana pakar tandatangan untuk pemeriksaan. Ini adalah untuk menjaga integriti P4 sebagai bahan bukti yang merupakan dokumen yang dipertikaikan. Permintaan peguam defendant untuk menyerahkan P4 kepada mereka itulah yang tidak munasabah. Oleh itu keengganan peguam plaintif tidak menyerahkan P4 kepada peguam defendant tidak boleh membawa apa-apa inferens yang menentang (*adverse inference*).

[11] Pada hemat saya apabila defendant tidak mengemukakan apa-apa laporan keterangan pakar bagi menunjukkan perbezaan antara tandatangan yang terdapat di dalam P4 dan afidavit, penafian bahawa beliau tidak menandatangani P4 adalah pengataan kosong semata-mata. Dalam kes *Chu Choon Moi v. Ngan Sew Tin* [1985] 1 LNS 134; [1986] 1 MLJ 34 Mahkamah Persekutuan telah membuat pemerhatian yang berikut-

“The first part of the Judge’s ruling is already dealt with above. More important is the ruling regarding his doubt as to the genuineness of the signature of the deceased in the third agreement that is fatal to the appellant’s case. **It is not proper to attempt making any conclusion on the genuineness of a signature in a document by comparing two similar handwriting without resorting to the opinion of a handwriting expert who is specialised in this field.** The requirement becomes incumbent when the handwriting is in



Chinese characters in which the Judge in question has no knowledge whatever. **It is insufficient to rely on the opinion of an ordinary witness and the more so an interested party in the person of David Yong who in his testimony said he was not certain whether the signature on the third agreement (Ex. P.1) was that of his father.** Although he ventured an explanation, he only suspected that the signature was not written by his father. He might be familiar with his father's handwriting but in the circumstances of the case it is unsafe to accept his opinion on the matter. **There are elementary requirements of our law of evidence and should not be departed from (Sections 45 and 47 of the Evidence Act, 1950).** We are of the view that the third agreement is in no way void but valid and we are satisfied that Lot 27 was purchased by the deceased from Paw by virtue of the third agreement according to the terms and conditions stated therein. On his death, it should be included in the assets of his estate.”

[penekanan ditambah]

[12] Berkaitan dengan keterangan SP1 yang memberi keterangan bahawa beliau yang menyaksikan defendant menandatangani P4, ini pendapat HMS-

[23] Plaintiff seterusnya mengemukakan keterangan SP1. SP1 adalah individu yang menyaksikan Defendant menurunkan tandatangan sewaktu perjanjian tersebut ditandatangani SP1 telah mengesahkan perjanjian dan mengenalpasti tandatangan-tandatangan yang tertera di perjanjian tersebut. SP1 menyatakan kesanggupan mengecam Defendant. Namun begitu menurut peguam cara Plaintiff Defendant tidak menghadirkan diri di Mahkamah pada hari pertama bicara penuh sehinggalah saksi tersebut dilepaskan setelah hadir memberi keterangan.



[24] Mahkamah telah meneliti keterangan SP1. Mahkamah mendapati ujudnya beberapa percanggahan keterangan jika dibandingkan dengan keterangan SP2. Mahkamah berpendapat percanggahan keterangan tersebut adalah **suatu percanggahan yang material** dan boleh menimbulkan kebolehpercayaan keterangan SP1 tersebut. Percanggahan adalah seperti berikut:

SP1 menyatakan bahawa;

1Q: Cik Sharifah kenal Encik Saminathan secara persendirian ke?

A: Tidak. Saya kenal sewaktu dia datang di pejabat dan **dia sering datang ke pejabat**, kadang-kadang bersama isteri dia.

Manakala keterangan SP2 pula semasa pemeriksaan balas telah menyatakan bahawa **Defendant hanya pergi ke pejabatnya beberapa kali** dan perjumpaannya selalu disebuah restoran, seperti berikut-

246Q: Where do you normally meet Mr Saminathan?

A: Come again

Q: Where do you normally meet Mr Saminathan?

A: In restaurant.

247Q: Can you tell the Court how many times did Mr Saminathan came to your office?

A: Few times, I didn't really remember how many times.

[25] DW1 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau pergi ke pejabat SP2 kurang dari 10 kali dan ianya selepas



waktu pejabat dan selalunya perjumpaan di sebuah restoran **DW1 mengesahkan beliau tidak pernah jumpa atau melihat SP1.** Oleh itu Mahkamah berpendapat dalam keadaan wujudnya percanggahan keterangan diantara SP1 dan SP2 maka pengecaman oleh SP1 terhadap Defendan adalah penting. Malangnya pengecaman terhadap Defendan tidak dilakukan. Mahkamah berpendapat alasan Plaintiff bahawa Defendan tidak hadir pada hari SP1 memberi keterangan menyebabkan SP1 tidak dapat mengecam Defendan adalah alasan tidak logik. Ini kerana Mahkamah boleh pada bila bila masa atas permohonan pihak Plaintiff untuk memastikan kehadiran Defendan untuk pengecaman oleh SP1. Walau bagaimanapun sepanjang perbicaraan ini pihak **peguam cara Plaintiff tidak ada memohon supaya Defendan hadir untuk pengecaman.**

[Penekanan ditambah]

[13] Secara ringkasnya HMS berpendapat suatu percanggahan yang material apabila SP1 memberi keterangan bahawa defendan sering datang dan SP2 pula memberi keterangan defendan pergi ke pejabatnya beberapa kali dan beliau tidak ingat berapa kali. Manakala defendan pula memberi keterangan bahawa beliau pergi ke pejabat plaintiff kurang dari sepuluh kali. Saya berpendapat keterangan yang penting di sini ialah defendan ada pergi ke pejabat plaintiff tetapi ini tidak diberi pertimbangan oleh HMS untuk menilai sama ada defendan telah hadir di pejabat plaintiff untuk menandatangani P4 yang disaksikan oleh SP1 seorang kakitangan yang bekerja sebagai penyambut tetamu di Luxia Prodution yang juga syarikat milik plaintiff yang beroperasi di premis yang sama, atas permintaan SP2 (plaintif) untuk SP1 menjadi saksi kepada tandatangan plaintiff dan defendan semasa kedua-duanya menandatangani Perjanjian Pelaburan. Saya berpendapat tidak ada percanggahan yang material yang boleh



membawa kepada ketidakbolehpercayaan terhadap keterangan SP1 bahawa beliau yang menjadi saksi kerana keterangan SP1, SP2 dan defendant adalah konsisten berkaitan terdapatnya kehadiran defendant di pejabat plaintif. Oleh itu apabila HMS menolak keterangan SP1 atas alasan percanggahan keterangan tersebut, saya berpendapat HMS telah melakukan kesilapan (*error*) dan salah arah (*misdirection*).

[14] Berkaitan pengecaman defendant oleh SP1, SP1 mengesahkan beliau boleh mengecam defendant. Malangnya pada hari perbicaraan, defendant yang sepatutnya hadir, tidak hadir. HMS telah meletakkan beban kepada plaintif untuk memohon supaya defendant hadir sedangkan pada hari perbicaraan defendant sepatutnya hadir. Saya berpendapat ketidakhadiran defendant pada hari perbicaraan, adalah pilihan defendant sendiri dan plaintif tidak boleh dipersalahkan apabila saksi plaintif tidak berpeluang mengecam defendant. Selanjutnya saya berpendapat ketidakhadiran defendant juga boleh dibuat inferens yang bertentangan iaitu mahu mengelak daripada dicam oleh saksi plaintif, SP1. Oleh itu HMS telah melakukan kesilapan dan salah arah apabila berpendapat beban di atas plaintif untuk membawa defendant yang merupakan pihak kepada prosiding hadir ke Mahkamah untuk pengecaman pada hari perbicaraan.

[15] SP1 ialah seorang saksi yang disapina untuk memberi keterangan dan pada hemat saya tidak terdapat apa-apa alasan wajar bagi menolak keterangan SP1 yang telah memberi keterangan yang benar bahawa beliau telah dipanggil ke bilik di mana plaintif dan defendant telah berada dan SP2 meminta SP1 menjadi saksi. Pada hemat saya SP1 adalah saksi yang tidak berkepentingan. Dalam kes *Mohd Nahar bin Abu Bakar v. PP* [2013] 5 CLJ 977, Mahkamah Rayuan telah membincangkan mengenai kedudukan seseorang saksi berkepentingan seperti berikut:



“[27] After having perused the records and scrutinized SP13’s evidence in its entirety, especially how she fared in the course of cross-examination, we are of the considered view that the complaint by the learned counsel that SP13 was an interested witness was without basis. The mere fact that SP13 was the biological mother of SP15 does not mean that her evidence must automatically be viewed with suspicion. **Her evidence is entitled to credence until cogent reasons for disbelief can be advanced in the light of evidence to the contrary and the surrounding circumstances** (see *Balasingham v. PP* [1959] 1 LNS 8; [1959] 1 MLJ 193, *Ong Teng For & Anor v. PP* [2013] 1 CLJ 39].

[28] In the *Laws of Crimes* by Ratanlal and Dhirajlal (2nd Ed) at page 1455, the following is said in respect of ‘related witnesses’:

“‘Related’ is not equivalent to ‘interested’. **The term ‘interested’ postulates that the person concerned has some direct interest in the result of the litigation such as interest in decree in a civil case or in seeing that the accused is punished.** A witness who is a natural one but **relative of the victim cannot be termed as interested.** Close relationship of witness to the deceased is **no ground to reject his testimony** if otherwise it is reliable. On the contrary, close relative of the deceased would normally be most reluctant to spare the real assailant and falsely implicate an innocent one (*State v. Kalki* AIR [1981] SC 1390).”

[penekanan ditambah]

[16] Dalam rayuan ini SP1 adalah bekas pekerja SP2 yang telah meninggalkan perkhidmatan dengan SP2 sejak satu setengah tahun yang lalu. Oleh itu tiada apa-apa manfaat yang diperolehi oleh SP1



jika bercakap bohong dengan membuat cerita rekaan. Tambahan pula dakwaan ini pun tidak pernah dicadangkan oleh peguam defendant semasa disoal balas.

[17] Berdasarkan perbincangan di atas di mana hakim bicara telah melakukan kesilapan dan salah arah, Mahkamah ini boleh menimbang semula keterangan yang sedia ada dan mengetepikan perintah hakim bicara. Perkara ini boleh dilakukan berdasarkan otoriti yang telah diputuskan oleh mahkamah atasan jika keadaan ini berlaku mahkamah diperingkat rayuan boleh mengganggu keputusan mahkamah bicara [*Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co* [1979] 1 LNS 119; [1979] 2 MLJ 229, *Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors* [2004] 4 CLJ 309, *UEM Group Bhd v. Genisys Integrated Engineers Pte Ltd & Anor* [2010] 9 CLJ 785; [2010] 2 MLRA 668, *Thomas v. Thomas* [1947] AC 484 per Lord Thankerton, *Yuill v. Yuill* [1945] P 15, 19 per Lord Greene MR; *China Airlines Ltd. v. Maltran Air Corp. Sdn. Bhd. & Another Appeal* [1996] 3 CLJ 163]. Dalam *China Airlines Ltd. supra* melalui penghakiman Mohamed Dzaiddin Abdullah HMP yang saya petik ringkasan berdasarkan nota kepala (*headnote*) kes berkenaan seperti berikut-

[2] It is a settled principle of law that in an appeal, where facts have to be reviewed, it is undesirable that the factual findings of the Court below be disturbed by the appellate Court **unless it appears that those findings are clearly wrong**; and it is even more undesirable to do so where **the conclusions reached**, to a large extent, **depended on the credibility of the witnesses** and the impression formed by the Court which has seen them and judged their honesty and accuracy.

[3] **However**, there is clear authority **that a distinction can be drawn between the finding of a specific fact which depends upon the credibility of witnesses, and a finding of fact which**

depends upon inferences drawn from other facts. In the latter case, an appellate Court will more readily interfere with the trial judge's findings of fact and form an independent opinion. Thus, in cases where there is no question of the credibility or reliability of any witness, or **where the point in dispute is the proper inference to be drawn from proved facts, an appeal Court is generally in as good a position to review and evaluate the evidence as the trial Judge.** In the instant appeal, there was nothing in the trial judge's judgment which indicated that her decision was based on the credibility of the witnesses or the impression she formed of them.

[4] The trial Judge had misdirected herself in not considering the relevant evidence from which the conclusion, that it was more probable that Maltran was not entitled to the incentive bonus for 1986, could have been drawn. Furthermore, **she had failed to give sufficient or any consideration to the contemporaneous documents and the conduct of the parties, which would have led her to the inescapable inference that Maltran was only entitled to the incentive bonus as a PSA.**

[penekanan ditambah]

[18] Berdasarkan otoriti-otoriti mengenai penilaian keterangan oleh Mahkamah atasan saya berpendapat dapatan hakim bicara adalah *plainly wrong*. Oleh itu Mahkamah ini diperingkat rayuan membuat dapatan yang berbeza dengan menilai keterangan sedia ada. Berdasarkan keterangan yang telah dibincangkan di atas, saya berpendapat P4 telah ditandatangani oleh defendant.

(ii) sekiranya telah ditandatangani oleh defendant, sama ada perjanjian pelaburan (P4) tersebut sah dan membuktikan tuntutan plaintif



[19] Peguam defendan berhujah bahawa P4 adalah melibatkan transaksi di antara syarikat bukan sebagaimana pihak yang menjadi pihak dalam prosiding yang merupakan sebuah perniagaan tunggal Jayshaam Consultant Services di mana plaintiff menuntut atas kapasiti peribadi sebagai tuanpunya perniagaan tunggal. Dalam keterangan SP2 mengakui bahawa beliau juga mempunyai syarikat dan mengakui bahawa P4 adalah perjanjian di antara syarikat Sdn Bhd. Mahkamah telah meneliti rujukan-rujukan sebagai pengarah dalam perjanjian tersebut. SP2 dalam keterangannya mengesahkan yang beliau juga mempunyai syarikat sdn bhd. Saya petik keterangan SP2 di muka surat 91 Bahagian B rekod rayuan tambahan seperti berikut-

234Q: Can you read the word after that, from here.

A: A company duly incorporated under the company' act 1965..

23: Okay enough, thank you. I put it to you that Jayshaam consultant at that time you had another company which is a sdn bhd?

A: Come again.

Q: You had a sdn bhd company at that time?

A: yes I have.

236Q: And you sign this agreement as the director of the company? page 34.

A: Repeat again.

Q: You sign this agreement as director of the company?

A: Yes.



[20] Oleh kerana asas tuntutan plaintif adalah P4, prosiding telah dibawa oleh pihak yang salah kerana entiti perniagaan tunggal dan syarikat sdn bhd adalah berbeza. Plaintiff atas kapasiti peribadi sebagai tuanpunya perniagaan tunggal tidak boleh menuntut bagi pihak syarikat sdn bhd. Oleh itu walaupun P4 telah ditandatangani oleh defendant tetapi tuntutan telah dibawa oleh pihak yang salah. Seseorang yang tidak menjadi pihak kepada kontrak tidak boleh mendapat hak untuk menuntut terhadap apa-apa pelanggaran kontrak tersebut. Berdasarkan itu plaintiff tidak mempunyai *locus* untuk membawa tindakan.

[21] P4 yang dikemukakan juga tidak dibayar cukai setem oleh itu tidak boleh dijadikan bahan bukti berdasarkan seksyen 52 Akta Setem 1949 yang memperuntukkan seperti berikut-

(1) No instrument chargeable with duty shall be admitted in evidence for any purpose by any person having by law or consent of parties authority to receive evidence, or shall be acted upon, registered, or authenticated by any such person or by any public officer, unless such instrument is duly stamped:

Provided that-

(a) any such instrument shall, subject to all just exceptions, be admitted in evidence on payment of the duty and the penalty, if any, chargeable in respect thereof under section 43 or section 47A;

(b) nothing herein contained shall prevent the admission of any instrument in evidence in any criminal Court;

(c) nothing herein contained shall prevent the admission of any instrument in evidence in any Court when such instrument has been executed by or on behalf of the Government of Malaysia or



of any State or of the Government of any other country or where it bears the certificate of the Collector as provided by this Act.

[22] Dalam hujahannya peguam defendant memaklumkan kepada mahkamah bahawa isu mengenai perjanjian yang tidak disetemkan telah dibangkitkan dalam prosiding di hadapan mahkamah bicara tetapi hakim bicara telah menolak bantahan plaintiff dan seterusnya tidak menyentuh mengenai isu tersebut dalam alasan penghakiman. Berdasarkan nota prosiding dalam rekod rayuan, tidak ada keterangan semasa perbicaraan bahawa duti kemudiannya dibayar. Oleh itu P4 sehingga duti dibayar, tidak boleh digunakan di Mahkamah sebagai keterangan memandangkan ini adalah tuntutan sivil bukan jenayah yang merupakan satu pengecualian di bawah *proviso* (b).

[23] Plaintiff tidak membawa bukti lain selain daripada yang dinyatakan RM260,000.00 telah diserahkan kepada defendant sebagai pelaburan kecuali yang dinyatakan dalam *Recital* kepada P4 yang seperti berikut-

WHEREAS the investor at **the request of the borrower** and inconsideration of their long business relationship with profitable returns, the investor have agreed to lend to the borrower the sum of **Ringgit Malaysia Two Hundred And Sixty Only (RM260,000.00)** (hereinafter referred to as an investment) which has been paid on various date **to the borrower**.

[24] Apabila perjanjian tersebut tidak boleh dijadikan keterangan kerana duti tidak dibayar, maka plaintiff tidak mempunyai keterangan kontemporari lain untuk menyokong bahawa defendant telah menerima wang pelaburan plaintiff sebanyak RM260,000.00 dan telah dipersetujui pulangan sebanyak 6.5% setiap bulan.



[25] Jika perjanjian ini boleh diterima sebagai keterangan sekali pun, kandungan perjanjian tersebut adalah lebih merupakan perjanjian pinjaman wang kerana terdapat rujukan kepada perkataan “*borrower*” dalam semua fasal perjanjian. Berdasarkan *Recital* kepada P4, dinyatakan seperti berikut-

WHEREAS the investor at **the request of the borrower** and inconsideration of their long business relationship with profitable returns, the investor have agreed to lend to the borrower the sum of **Ringgit Malaysia Two Hundred And Sixty Only (RM260,000.00)** (hereinafter referred to as an investment) which has been paid on various date **to the borrower**.

[26] Peguam defendan berhujah bahawa plaintif bukan melabur dalam pernigaaan defendan untuk mendapat bayaran keuntungan tetapi memberi pinjam wang dengan mengenakan faedah yang tinggi dan plaintif bukanlah pemberi pinjam wang berlesen yang menjadikan transaksi pinjaman tersebut tidak sah. Namun untuk melindungi perbuatan ketidakesahan, perjanjian itu dirujuk sebagai perjanjian pelaburan. Saya bersetuju dengan hujahan peguam defendan dan berpendapat kedua-dua pihak hendak berselindung sebagai perjanjian pelaburan sedangkan sebenarnya perjanjian pinjaman wang dengan kadar faedah yang tinggi iaitu 6.5% sebulan melebihi daripada seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang iaitu 18% setahun. Fasal 8 yang menyatakan bahawa perjanjian tersebut tidak boleh dianggap sebagai perjanjian pinjaman wang tidak boleh dipakai untuk melindungi kedua-dua pihak daripada pemakaian Akta Pinjaman Wang dan tidak boleh dikuatkuasakan.

[27] Berdasarkan alasan-alasan di atas rayuan plaintif ditolak dengan kos sebanyak RM8,000.00 dan tertakluk kepada fi alokatur.



Bertarikh: 31 JANUARI 2017

(HAS ZANAH MEHAT)
Hakim Mahkamah Tinggi
Kuala Lumpur

KAUNSEL:

Bagi pihak plaintif/perayu - K Harikrishnan; T/n K Harikrishnan & Co

Bagi pihak defendan - V Muniandy; T/n Shareen, Thrivina, Andy & Co

Kes-kes yang dirujuk:

Chu Choon Moi v. Ngan Sew Tin [1985] 1 LNS 134; [1986] 1 MLJ 34

Mohd Nahar bin Abu Bakar v. P.P [2013] 5 CLJ 977

Tindok Besar Estate Sdn Bhd v. Tinjar Co [1979] 1 LNS 119; [1979] 2 MLJ 229

Gan Yook Chin & Anor v. Lee Ing Chin & Ors [2004] 4 CLJ 309

UEM Group Bhd v. Genisys Integrated Engineers Pte Ltd & Anor [2010] 9 CLJ 785; [2010] 2 MLRA 668

Thomas v. Thomas [1947] AC 484

Lord Thankerton, Yuill v. Yuill [1945] P 15, 19

China Airlines Ltd. v. Maltran Air Corp. Sdn. Bhd. & Another Appeal [1996] 3 CLJ 163

Perundangan yang dirujuk:

Akta Keterangan, ss. 73, 101

Akta Setem 1949, s. 52

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 18 k. 12